

MAHATHIR-PELAMPAU

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 31 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENCINGATKAN HARI INI KENYATAANNYA BARU-BARU INI UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA YANG MENIMBULKAN ISU-ISU. PERKAUMANDI NEGARA INI ADALAH AMARAN TERAKHIR DAN MESTI DIAMBIL BERATOLEH SEMUA PIHAK.

PERDANA MENTERI MARAH KERANA ISU-ISU YANG DIHADAPI OLEH NEGARA TERMASUK PEMBANGUNAN BUKIT CINA, PEMBUANGAN SISARADIOAKTIF DI PAPAN, PERAK, KES MAKTAB LATIHAN PADERI DI PULAU PINANG DAN KRISIS MCA DIPERBESAR-BESARKAN UNTUK MENUNJUKKAN SEOLAH-OLAH KERAJAAN SEDANG MENGHADAPI KRISIS BESAR DENGAN RAKYAT.

+SAYA AKUI MEMANGKITA ADA MASALAH TETAPI IA BOLEHDISELESAIKAN DENGAN CARA YANG BAIK DENGAN MERUNDINGKANNYA DENGAN PIHAK-PIHAK BERKENAANTANPAGANGGUAN 'MEREKA YANG MENCARI PUBLISITI MURAH,+ TEGAS BELIAU.

DR. MAHATHIR KESAL KERANA AKIBAT TINDAKAN KUMPULAN TERTENTU YANG MENGAMBIL PELUANG ATAS ISU-ISU TERSEBUT KERAJAAN MENGHADAPI MASALAH SAMA ADA DARI SEGI ALAM SEKITAR, SEJARAH ATAU KEBUDAYAAN KERANA SEBARANG TINDAKANNYA AKAN DIKAITKAN DENGAN POLITIK PERKAUMAN.

PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA DI IPOH MINGGU LALU MENEGUR PIHAK-PIHAK YANG SENGAJA MENIMBULKAN ISU-ISU PERKAUMAN DAN MEMBERI AMARAN KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA.

KETIKA DIMINTA MENJELASKAN TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK PERLU MEMBERI BUTIR-BUTIR DAN MENEGASKAN IA MERUPAKAN TINDAKAN KERAS.

+SAYA SEDANG MENGIKUTI TINDAKAN MEREKA YANG MENGAPI-APIKAN SENTIMEN PERKAUMAN. KITA AKAN LIHAT TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL JIKA MEREKA TERUS BERBUAT DEMIKIAN, +TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN MEMIKIRKAN BAHAWA SIKAP BERDIAM KERAJAAN SELAMA INI BOLEH MEMBERI MEREKA PELUANG BERBUAT SESUKA HATI, TERMASUK MENGADAKAN DEMONSTRASI TERHADAP KERAJAAN ATAS SANGKAAN KERAJAAN TAKUT MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA.

+JANGAN FIKIR SESEORANG YANG KELIHATAN LEMBUT DAN SENTIASA TERSENYUM ADALAH ORANG YANG BAIK. KITA MESTI INGAT LATAR BELAKANG KERANA IA BOLEH MEMBERITAHU SIKAPNYA YANG SEBENAR, + PESAN BELIAU KEPADA MEREKA YANG TIDAK MENGENDAHKAN AMARANNYA.

BELIAU PERNAH DIPECAT DARI UMNO PADA SATU KETIKA KERANA MEMPERJUANGKAN NASIB ORANG MELAYU DAN DICAP +ULTRA+ KERANA ITU.

+KERAJAAN MUNGKIN TIDAK MAHU MENUNJUKKAN TARINGNYA SEKRANG. KAMI MASIH BERDIAM DIRI TETAPI JANGAN SANGKA KESABARAN KAMI TIDAK ADA HAD. JANGAN MELAHPAUI EATASAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ORANG-ORANG MELAYU HARI INI YANG DIPIMPIN OLEH UMNO ADALAH ORANG YANG SEDERHANA DAN BUKAN PELAMPAU SEPERTI PADA MASA LALU.

BELIAU SEDIH KERANA ORANG LAIN YANG MENIMBULKAN MASALAH DENGAN SENGAJA DAN MENJADIKAN +ITU DAN INI+ SEBAGAI ISU KONONNYA KERAJAAN MENINDAS KAUM MEREKA.

KETIKA MEMBERI AMARAN KEPADA ORANG RAMAI YANG MENGANJURKAN DEMONSTRASI TERHADAP KERAJAAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MELAYAN SEBARANG TUNTUTAN MELALUI KEKERASAN DAN MENEGASKAN KEKERASAN BOLEH DITENTANG DENGAN KEKERASAN.

+JIKA MEREKA PERGI TERLALU JAUH, UMNO, RASA SAYA TIDAK AKAN BERDIAM DIRI. KALAU ORANG LAIN INGIN MEMAINKAN SEMANGAT PERKAUMAN, UMNO BOLEH MENUNJUKKAN SEMANGAT PERKAUMAN YANG LEBIH DARIPADA MEREKA. JIKA TUJUAN MEREKA MEMBUAT DEMONSTRASI UNTUK MENDAPATKAN SESUATU, SAYA PERCAYA UMNO BOLEH MENGANJURKAN DEMONSTRASI YANG LEBIH BESAR.

+SAYA INGIN MEMBERI AMARAN KEPADA MEREKA YANG BERANIMENCABAR BAHAWA KERAJAAN LEMAH DAN TAKUT. SAYA MEMBERI AMARAN BAHAWA TINDAKAN MELALUI DEMONSTRASI, MEMBOIKOT ITU DAN INI, JIKA DITERUSKAN AKAN MEMBAWA AKIBAT KEPADA SEMUA PIHAK, MEREKA YANG TIDAK BERDOSA SENDIRI AKAN MERASAI AKIBAT TINDAKAN ITU. + --BERNAMA

1232MST 31 12 84